

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2019/09/24 - 43

KARNIVAL KEUSAHAWANAN DAN CELIK CUKAI LHDNM 2019 DENGAN KERJASAMA UUM

24 September 2019, Sintok - Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) terus memberikan suntikan elemen kreatif dalam memberikan kesedaran kepada orang ramai khususnya generasi muda mengenai kepentingan cukai menerusi kerjasama dalam program Karnival Keusahawanan dan Celik Cukai anjuran bersama LHDNM dan Pusat Perakaunan Tunku Puteri Intan Syafinaz (TISSA), Universiti Utara Malaysia (UUM) 2019 yang dianjurkan di sini pada hari ini.

Program ini menggabungkan elemen pendidikan cukai dan keusahawanan menerusi aktiviti seperti gerai jualan, pameran, taklimat keusahawanan dan percukaian, klinik cukai dan juga program *Taxplorace*.

Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM, YBhg. Dato' Sri Sabin Samitah dalam ucapannya berkata "Program ini bukan sahaja boleh membantu para Siswazah melangkah ke dunia keusahawanan, tetapi mereka juga akan celik cukai menerusi bidang keusahawanan yang mereka akan lakukan. Pada masa kini, peluang pekerjaan sangat kompetitif, sehubungan itu, bidang keusahawanan merupakan alternatif yang terbaik dalam menjana pendapatan selaras dengan

hasrat Perdana Menteri yang ingin menjadikan Malaysia sebuah negara keusahawanan”.

Tambah beliau menerusi budaya keusahawanan juga, para usahawan bukan sahaja boleh memainkan peranan sebagai pencipta pekerjaan, malah mereka turut dapat memacu ekonomi negara agar terus berkembang seterusnya meningkatkan hasil cukai negara.

Menerusi Karnival ini, para pelajar terlibat diberikan pendedahan mengenai kepentingan cukai dan sumbangan cukai kepada negara yang disampaikan secara santai menerusi taklimat percukaian dan klinik cukai. Manakala untuk program *Taxplorace* pula, maklumat-maklumat mengenai percukaian negara disampaikan dalam bentuk "*edutainment*" berkonsepkan permainan "*outdoor*" yang mana para pelajar boleh menyemak jawapan di portal rasmi LHDNM untuk melengkapkan tugas yang diberikan di setiap *checkpoint*.

Di samping dapat meningkatkan tahap kesedaran dalam kalangan pelajar mengenai kepentingan cukai kepada negara, program ini mempunyai beberapa objektif antaranya:

1. Mewujudkan golongan pelapis yang celik cukai dalam kalangan pelajar melalui aktiviti uji minda berkaitan cukai;
2. Mewujudkan "*chain effect*" kesedaran cukai bermula dari peringkat pengajian tinggi; dan
3. Menanamkan sifat kasih sayang dan cintakan negara.

Turut hadir sama dalam program ini ialah Profesor Dr. Ayoib Che Ahmad, (Timbalan Naib Canselor Penyelidikan Dan Inovasi UUM), Puan Rozina Shaik Osman Merican (Pengarah Jabatan Khidmat Korporat LHDNM), Encik Hishamudin Mohamed (Pengarah Negeri Kedah / Perlis LHDNM), Profesor Madya Dr. Rose Shamsiah Samsudin (Dekan TISSA-UUM), para pensyarah, pelajar-pelajar dan pegawai LHDNM.

#

SEKIAN, TERIMA KASIH

Dikeluarkan Oleh:**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658 / 21674 / 21695 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Careline : 1-800-88-5436 (LHDN)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 24 September 2019

/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



lhdnTube



Gambar 1 : Dato' Sri Sabin Samitah semasa menyampaikan ucapan perasmian



Gambar 2 : Dari kiri gambar, Profesor Dr. Ayoib Che Ahmad, Dato' Sri Sabin Samitah (tengah) dan Profesor Madya Dr. Rose Shamsiah Samsudin bergambar bersama-sama dengan para pelajar, pensyarah dan pegawai kanan LHDNM.



Gambar 3 : Dato' Sri Sabin Samitah beramah mesra dengan para pelajar UUM.



Gambar 4 : Upacara pelepasan peserta HASiL *Taxplorace*.